



**PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 8/2022**

**PENGISYTIHARAN CUTI REHAT WAJIB SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2022**

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 6/2022 (Kali ke-252)-Sambungan bertarikh 17 April 2022 telah bersetuju untuk meluluskan pelaksanaan Cuti Rehat Wajib selama dua (2) hari pada **02 Mei 2022 (Isnin) dan 05 Mei 2022 (Khamis)** sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022.
2. Cuti Rehat Wajib ini dilaksanakan setelah mengambilkira rekod-rekod terdahulu jumlah kehadiran staf di pejabat yang kecil sepanjang tempoh perayaan seterusnya penjimatan utiliti seperti elektrik, air dan telekomunikasi dapat dioptimumkan.
3. Cuti rehat wajib ini akan ditolak terus daripada kelayakan cuti rehat tahunan dan staf tidak perlu memohon cuti rehat pada tarikh tersebut. Cuti Rehat Wajib ini akan direkodkan dalam jumlah cuti rehat tahunan bagi semua staf UMK dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing perlu mengambil maklum dan mengesahkannya.
4. Pihak Universiti ingin mengingatkan semua Warga UMK agar sentiasa berhati-hati dalam meraikan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini dengan menjaga diri dan ahli keluarga masing-masing mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”**  
**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**MAZULA BINTI SABUDIN**  
Pendaftar

18 APRIL 2022

s.k - Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab